

07 MAY 2003

I

SEMINAR MENGENAI DR MAHATHIR MOHAMAD DI ABU DHABI

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 7 Mei (Bernama) -- Satu seminar mengenai dasar-dasar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diadakan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 14 Mei ini.

Seminar itu dianjurkan bersama oleh Kedutaan Malaysia dan Pusat Penyelarasan dan Susulan Zayed di Abu Dhabi.

Duta Malaysia ke UAE Datuk Syed Hussein Al Habshee berkata dua penceramah dari Malaysia akan menyampaikan kertas kerja masing-masing pada seminar sehari itu.

Para pegawai kerajaan, ahli akademik, diplomat dan anggota media akan menghadiri seminar bertajuk "Sumbangan Dr Mahathir Kepada Dunia Arab Dan Islam" itu, katanya kepada Bernama pada Selasa.

Beliau berkata pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Prof Syed Ahmed Hussein akan membentangkan kertas kerja bertajuk "Malaysia Selepas Dr Mahathir: Kesenambungan Dengan Perubahan" manakala presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Tan Sri Sanusi Junid pula membicarakan tajuk "Mahathir: Air Mata Dalam Sejarah".

"Seminar itu juga akan membincangkan mengenai taktik kotor media Barat yang merupakan sebahagian daripada agenda mereka untuk menentang Malaysia dan negara-negara Islam lain," katanya merujuk kepada laporan majalah Britain, The Economist, yang menyiarkan rencana berunsur fitnah mengenai Malaysia baru-baru ini.

-- BERNAMA  
SKH KHY NAK